

09 APR 2001

Siva-MTUC

CUEPACS HARAP PEMIMPIN MTUC LEBIH REALISTIK

MELAKA, 9 April (Bernama) -- Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) hari ini meminta Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) mengambil tindakan yang lebih realistik yang menguntungkan semua pekerja dan negara dengan membatalkan piket yang dirancang pada 12 Mei ini.

Presiden Cuepacs N. Siva Subramaniam berkata demonstrasi tidak boleh menyelesaikan masalah kerana masalah hanya boleh diselesaikan melalui musyawarah.

"Kita tidak boleh bertindak sesuka hati kerana kita bertanggungjawab kepada keselamatan, kesejahteraan dan perpaduan negara," katanya mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang meminta MTUC tidak menambahkan lagi masalah dalam negara dengan meneruskan rancangan mengadakan piket besar-besaran pada 12 Mei ini.

Siva yang ditemui di sini hari ini berkata tindakan berdemonstrasi itu akan menjejaskan ekonomi negara di samping tidak menggalakkan pelabur datang melabur di sini.

Cuepacs sendiri tidak bersetuju dengan skim anuiti yang dijalankan dan untuk itu, 200 pemimpin Cuepacs akan mengadakan pertemuan dengan Pengerusi Eksekutif Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Tan Sri Abdul Halim Ali pada 30 April ini untuk membincangkan beberapa perkara," katanya.

Siva berkata selain skim anuiti, perkara lain yang akan dibincangkan pada pertemuan itu ialah mengenai pelaburan saham oleh KWSP dan pemberian dividen yang rendah.

Beliau berkata KWSP yang merupakan kumpulan wang yang ke-17 terbesar di dunia dengan jumlah pencarum seramai 9.8 juta, juga perlu turun padang untuk menjelaskan beberapa isu yang dikaitkan dengan kumpulan berkenaan.

Katanya dalam keadaan negara sekarang, semua pihak perlu berusaha untuk memastikan keamanan dan kestabilan berkekalan untuk perkembangan ekonomi.

Semalam, Setiausaha Agung MTUC, G. Rajasekaran dalam sidang akhbaranya berkata MTUC bercadang untuk berpiket di semua pejabat KWSP di seluruh negara kerana mendakwa kumpulan itu tidak menjaga kebajikan pencarumnya.

Rajasekaran berkata piket itu akan disertai wakil 230 persatuan gabungan membabitkan 500,000 orang yang akan turut menyerahkan memorandum mengandungi lima perkara yang menjadi asas utama kepada penganjuran piket itu.

Tiga daripada lima perkara utama yang menjadi asas itu ialah pelaksanaan Skim Anuiti, pembayaran dividen yang rendah sebanyak enam peratus dalam tempoh 26 tahun dan pengurangan mendadak dalam pemberian jumlah Faedah Kematian dan Hilang Upaya, katanya.

-- BERNAMA

SBS LAT